

KANDUNGAN
PERLEMBAGAAN (PAKAT) UKM

PERKARA

MUKA SURAT

Nama Persatuan Alamat dan Tujuan	1
Keanggotaan Persatuan	2
Pemberhentian dan Kemasukan Semula	2
Yuran dan Kewajipan Ahli	3
Jawatankuasa Kerja dan Tugas-tugas	4
Jawatan dan Tugas YDP, NYDP, Setiausaha	4 - 5
P/Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa	5 - 6
Pemeriksa kira-kira Mesyuarat Ahli Jawatankuasa	7 7
Mesyuarat Agong Tahunan	7 - 8
Mesyuarat Agong Luar Biasa	9
Pindaan Tambahan / Pembubaran Persatuan	9 - 10
Perkara Am / Larangan	10 - 11

PERSATUAN ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN

No Daftar.B.SM. 669/76(17)PPP/Sel.240/76



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PAKAT)

**UNDANG-UNDANG KECIL
DAN
PERATURAN KHAS BANTUAN**

Draf
PERLEMBAGAAN PERSATUAN ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(PAKAT)

1. **NAMA PERSATUAN**
Nama perkumpulan ini **PERSATUAN ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN**, Universiti Kebangsaan Malaysia atau nama ringkasnya **(PAKAT.)**
2. **ALAMAT**
Alamat Persatuan ini dan tempat Mesyuaratnya di Pejabat Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi.
3. **TUJUAN**
 - (a) Berusaha untuk menyatupadukan para Anggota Keselamatan di Universiti Kebangsaan Malaysia ini dalam menjalin tali persaudaraan persefahaman dan kerjasama antara ahli-ahli.
 - (b) Berusaha menjaga nama baik dan memberikan kerjasama kepada Universiti Kebangsaan Malaysia.
 - (c) Berusaha untuk mengadakan rancangan kebajikan dan kemajuan ahli-ahli bagi meninggikan taraf hidup mereka melalui berbagai lapangan.
 - (d) Menggalakkan ahli mengambil bahagian dalam lapangan sukan social.
 - (e) Menjalankan kegiatan perniagaan di hari Pesta Konvokesyen UKM seperti makanan dan minuman.
 - (i) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan ini, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat Dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahlinya atau pekerja Persatuan ini Dengan syarat mereka telah memberikan perkhidmatan kepada Persatuan ini.

4. **KEANGGOTAAN PERSATUAN**

Keanggotaan Persatuan ini terbuka kepada semua Anggota-anggota Keselamatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- (a) Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat dalam borang yang telah disediakan oleh Persatuan ini dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.
- (b) Tiap-tiap permohonan masuk akan dipertimbangkan Mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa berhak menerima atau menolak sebarang permohonan tanpa sebarang alasan.
- (c) Sebarang permohonan hendaklah di sokong oleh dua orang ahli Persatuan.
- (d) Permohonan yang telah disiapkan hendaklah disertakan dengan:
 - (i) Bayaran masuk menjadi ahli.
 - (ii) Bayaran yuran bulanan atau tahunan.
- (e) Jika permohonan seseorang itu diluluskan oleh AJK ianya akan diberitahu oleh Setiausaha, dan sekiranya permohonan ditolak maka wang bayaran masuk dan yuran bulanan akan dikembalikan.

5. **PEMBERHENTIAN DAN KEMASUKAN SEMULA**

Seseorang ahli terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan luput hak-haknya dan faedah yang tertentu apabila ianya:-

- (a) Berhenti, bersara atau berhenti daripada berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia ini.
- (b) Meminta berhenti daripada menjadi ahli.
- (c) Tidak membayar yuran bulanan selama tiga (3) bulan berturut-turut dan setelah diberi peringatan, maka dianggap terhenti daripada menjadi ahli selepas dari tarikh yang terakhir selama tujuh (7) hari.
- (d) Seseorang ahli yang terhenti daripada keahlian disebabkan meminta berhenti atau tidak membayar yuran bolehlah membuat permohonan untuk menjadi ahli semula Dengan mengisi borang permohonan yang baharu serta membayar yuran masuk dan membayar segala hutang-hutang kepada Persatuan jika ada.

6. YURAN

- (a) Bayaran masuk menjadi ahli - RM5.00
- (b) Yuran bulan - RM5.00
(Pindaan MAP 16/2003)
- (c) Yuran tahunan - RM60.00
(Pindaan MAP 16/2003)
- (d) Pembayaran yuran bulanan atau yuran tahunan hendaklah dibayar sendiri kepada Bendahari Persatuan ini.
 - (i) Bagi ahli yang baru menjadi ahli hendaklah menjelaskan yurannya dalam tempoh (1) minggu dari ianya diberitahu oleh Setiausaha yang dia telah diterima menjadi ahli.
 - (ii) Bagi ahli-ahli lama hendaklah menjelaskan yuran selewat-lewatnya di minggu pertama tiap-tiap bulan.

7. KEWAJIPAN AHLI

Tiap-tiap ahli hendaklah:-

- (a) Patuh kepada undang-undang Persatuan ini.
- (b) Memberitahu Setiausaha tiap-tiap kali ianya berpindah atau berubah tempat tinggal.
- (c) Memberikan kerjasama dengan ahli jawatankuasa supaya ahli jawatankuasa dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih sempurna.
- (d) Setiap ahli berhak mengetahui segala hal-hal yang bersangkutan dengan kewangan persatuan ini jika ianya memberitahu terlebih dahulu Dengan bersurat kepada Setiausaha Persatuan, maka bolehlah memeriksa segala buku-buku dan kira-kira pada bila-bila masa, di mana rekod-rekod itu tersimpan setelah dipersetujui oleh AJK Persatuan.

8. **JAWATANKUASA KERJA DAN TUGAS-TUGAS**

Ahli Jawatankuasa kerja adalah terdiri daripada ahli-ahli yang di dalam Mesyuarat Agong Tahunan seramai tidak lebih dari 10 orang dan mereka ini berkhidmat Dengan sukarela. Jawatankuasa Tertinggi Persatuan ini terdiri dari:- Yang DiPertua, Naib Yang DiPertua, Setiausaha serta Penolongnya dan Bendahari.

9. **JAWATAN DAN TUGAS**

A. **YANG DIPERTUA:-**

- (i) Menjadi pengerusi dalam semua Mesyuarat.
- (ii) Menandatangani segala minit Mesyuarat setelah disahkan oleh Jawatankuasa.
- (iii) Memberi undi pemutus dalam sesuatu perkara jika undi atas sesuatu usul itu didapati sama banyak.
- (iv) Menandatangani timbal semua bil-bil dan cek-cek yang diluluskan.

B. **NAIB YANG DIPERTUA**

Membantu kerja-kerja Yang DiPertua dan melaksanakan rancangan-rancangan semasa pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu Mesyuarat.

C. **SETIAUSAHA**

Hendaklah hadir dalam semua Mesyuarat AJK dan mengambil dengan betul serta menyimpan dengan sempurna minit-minit Mesyuarat. Adalah menjadi kewajipannya untuk:-

- (i) Menguruskan segala surat menyurat bagi pihak AJK dan bagi pihak Persatuan.
- (ii) Menerima segala permohonan menjadi ahli untuk dikemukakan dan pertimbangan oleh AJK.
- (iii) Menyimpan dengan baik daftar ahli-ahli serta dokumen yang bersabit dengan perjalanan Persatuan.

- (iv) Menghantar kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia tiap-tiap tahun laporan tahunan termasuk penyata kira-kira tahunan serta lain-lain kenyataan yang diperlukan mengikut kehendak Perlembagaan.
- (v) Menjalankan segala kerja-kerja dan tugas yang diarahkan oleh Pengerusi atau AJK dari masa ke semasa.
- (vi) Dibolehkan menyimpan wang tunai sebanyak RM25.00 untuk keperluan segera dan urusan pentadbiran persatuan.

D. PENOLONG SETIAUSAHA

- (i) Menolong kerja-kerja Setiausaha.
- (ii) Menggantikan tempat Setiausaha pada masa Setiausaha tidak hadir dalam satu-satu Mesyuarat.
- (iii) Dengan sendirinya menjadi Setiausaha sekiranya Setiausaha di pecat atau meletakkan jawatan sebelum diadakan Mesyuarat Agong berikutnya.

E. BENDAHARI

- (i) Menjaga segala wang Persatuan, mengeluarkan resit bagi segala pungutan dan penerimaan.
- (ii) Membuat dan menyimpan bucer bagi perbelanjaan Persatuan mengikut cara-cara yang tertentu dalam perlembagaan, serta menyimpan kira-kira dengan betul bagi segala penerimaan dan perbelanjaan harta benda Persatuan.
- (iii) Dikehendaki membuat penyata khas (ringkas) perjalanan dan penerimaan bagi tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- (iv) Membuat Penyata Tahunan kewangan bagi tiap-tiap tahun untuk diperiksa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agong Tahunan.
- (v) Dibolehkan menyimpan wang tunai tidak lebih dari **RM200.00** (Pindaan MAP16/2003) pada setiap masa untuk keperluan segera.

- (vi) Bertanggungjawab untuk memasukkan wang ke dalam bank atau Pejabat Pos yang ditentukan oleh AJK.
- (vii) Bersama Yang DiPertua dan Setiausaha bagi menandatangani cek pengeluaran wang persatuan.

F. KEWAJIPAN AHLI JAWATANKUASA

- (i) Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab menjalankan dasar bagi kemajuan persatuan.
- (ii) Ahli Jawatankuasa ini boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil (saksi) apabila difikirkan perlu.
- (iii) Jawatankuasa dibenarkan memilih atau memberhentikan orang gaji (pekerja) yang diberi kerja dalam persatuan.
- (iv) Ahli Jawatankuasa dibenarkan (berkuasa) memotong nama ahli dari buku daftar jika didapati ahli itu melanggar kesopanan atau tata tertib Persatuan serta mengambil sesuatu tindakan yang difikirkan munasabah ke atas ahli-ahli itu.
- (v) Memberi keputusan sekiranya terbit sesuatu soal atau perkara yang tidak jelas dan tidak terkandung di dalam undang-undang persatuan ini. Keputusan yang demikian adalah muktamad.
- (vi) Menggunakan wang dari tabung persatuan ini (wang yuran bulanan) untuk segala perbelanjaan dengan tujuan melicinkan perjalanan perkumpulan ini jika perlu.
- (vii) Memberi kebenaran kepada Bendahari untuk mengeluarkan wang yang diperlukan.
- (viii) Sentiasa patuh kepada keputusan Mesyuarat Agong dan tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan itu kecuali setelah mendapat persetujuan daripada Mesyuarat.

10. PEMERIKSA KIRA-KIRA

- (a) 2 orang ahli yang bukan menjadi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik sebagai periksa kira-kira pada setiap kali Mesyuarat Agong Tahunan.
- (b) Mereka hanya dibenarkan memegang jawatan ini untuk tempoh selama satu tahun sahaja, dan boleh dilantik semula pada setiap kali Mesyuarat Agong Tahunan.
- (c) Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira tahunan persatuan ini dan menyampaikan segala butiran yang didapati dari hasil pemeriksaan itu kepada Mesyuarat Agong.
- (d) Mereka juga boleh diarah oleh Yang DiPertua untuk memeriksa kira-kira Persatuan ini pada bila-bila masa sahaja dalam masa perkhidmatan mereka dan menyampaikan laporan berkenaan kepada Ahli Jawatankuasa.

11. MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

- (a) Yang DiPertua boleh mengarahkan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa sebulan sekali, atau pada bila-bila masa sahaja setelah diberitahu kepada semua Ahli Jawatankuasa kerja sekurang-kurangnya empat (4) hari sebelumnya. Sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ dari Jumlah AJK yang hadir barulah Mesyuarat itu diakui sah.
- (b) Seseorang pegawai atau AJK yang tidak hadir di Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak 3 kali berturut-turut dalam masa perkhidmatannya dengan tidak memberikan sebab-sebab yang memuaskan akan dianggap sebagai menarik diri dari Jawatankuasa Persatuan ini dan AJK berkuasa melantik seorang ahli yang lain untuk menggantikannya sehingga Mesyuarat Agong Tahunan yang akan diadakan nanti.

12. MESYUARAT AGONG TAHUNAN

- (a) Mesyuarat Agong Tahunan:-
 - (i) Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan tiap-tiap tahun pindaan: 2 tahun sekali.
 - (ii) Satu kenyataan Mesyuarat beserta dengan penyata kira-kira tahun lalu yang telah di audit hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya dua (2) minggu terlebih dahulu dari tarikh Mesyuarat itu diadakan.

- (iii) Korum untuk Mesyuarat Agong Tahunan dikira cukup sekiranya ahli-ahli yang hadir lebih dua kali ganda dari bilangan AJK atau $\frac{1}{2}$ Jumlah ahli persatuan.
 - (iv) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk Mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk Mesyuarat yang telah ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan Mesyuarat, tetapi tidak berkuasa menggubal undang-undang atau membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli-ahli.
- (b) Perbincangan dalam Mesyuarat Agong Tahunan, perkara yang tersebut di bawah hendaklah dibincangkan:-
- (i) membaca dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agong yang lalu.
 - (ii) Perkara-perkara yang berbangkit.
 - (iii) Menerima dan meluluskan penyata tahunan dan kira-kira wang persatuan ini hingga akhir bulan Disember tahun yang lalu.
 - (iv) Cadangan-cadangan yang diterima daripada ahli-ahli.
 - (v) Melantik Pegawai-pegawai dan ahli jawatankuasa yang baharu.
 - (vi) Melantik 2 orang pemeriksa kira-kira.
- C. Cadangan daripada ahli-ahli untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah dengan bersurat dan disampaikan kepada Setiausaha selewat-lewatnya 4 (empat) hari atau seminggu sebelum Mesyuarat Agong bersidang. Cadangan-cadangan yang diterima daripada ahli yang tidak hadir dalam mesyuarat tersebut tidak akan dibincangkan melainkan ada kenyataan yang ianya tidak hadir disebabkan tugas atau memberikan kenyataan yang munasabah.

13. MESYUARAT AGONG LUAR BIASA

- (a) Mesyuarat Agong Luar Biasa boleh diadakan, jika mustahak pada bila-bila masa atas permintaan dengan bersurat kepada yang DiPertua oleh sekurang-kurangnya 1/3 daripada ahli persatuan atau 2/3 daripada Ahli Jawatankuasa.
- (b) Satu kenyataan hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya seminggu terlebih dahulu daripada tarikh Mesyuarat itu diadakan.
- (c) Korum dan penangguhan bagi Mesyuarat Agong Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agong Luar biasa, tetapi dengan syarat jika korum tidak cukup selepas setengah dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agong Luar biasa atas permintaan ahli-ahli maka Mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh ini Mesyuarat Agong Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

14. PINDAAN/TAMBAHAN

- (a) Undang-undang Persatuan ini tidak boleh dipinda, ditambahkan atau dimansuhkan kecuali Dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada 2/3 bilangan ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agong Tahunan atau Mesyuarat Luar Biasa.
- (b) Pindaan tersebut akan hanya dikuatkuasa setelah diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- (c) Cadangan meminda hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tarikh Mesyuarat itu diadakan.
- (d) Tambahan mengadakan perniagaan kecil-kecilan di dalam kampus Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menambahkan duit tabung persatuan dan di samping itu melatih/mendidik ahli-ahli di dalam bidang perniagaan secara langsung atau tidak. Rangka/draf perniagaan sedang/telah dibuat permohonan dengan Akta Pertubuhan Malaysia untuk mendapatkan kelulusan.

15. **PEMBUBARAN PERSATUAN**

Jika persatuan ini hendak dibubarkan maka peraturan di bawah ini hendaklah dijalankan:-

- (a) Satu Mesyuarat Agong khas hendaklah diadakan untuknya.
- (b) Satu kenyataan bertulis hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya dua (2) minggu terlebih dahulu dari tarikh Mesyuarat itu diadakan.
- (c) Persatuan ini tidak sah dibubarkan kecuali di persetujui oleh sekurang-kurangnya 2/3 daripada ahli-ahli dengan ikrar sendiri atau ikrar bertulis (proxy) dalam Mesyuarat Agong yang diadakan khas untuknya.
- (d) Satu kenyataan bertulis hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dalam masa 14 hari dari tarikh persatuan itu dibubarkan.
- (e) Sekiranya persatuan ini dibubarkan segala hutang dan tanggungan hendaklah diselesaikan dahulu. Baki wang persatuan ini jika ada hendaklah dibahagikan samarata antara ahli-ahli yang tinggal pada masa itu.

16. **PERKARA AM**

- (a) Semua Ahli-ahli Jawatankuasa dan lain-lain pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah di dalam persatuan ini hendaklah terdiri daripada warga Negara Malaysia.
- (b) Perbelanjaan yang lebih daripada RM.... Bagi suatu masa tidak boleh di bayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM..... bagi sebulan tidak boleh dilakukan sebelum mendapat kebenaran Mesyuarat Agong terlebih dahulu.
- (c) Tahun kewangan persatuan ini bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember bertiap-tiap tahun.
- (d) Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agong, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada Undang-Undang persatuan ini dan apabila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad dan tidak boleh di bawa ke Mahkamah kecuali di rombak oleh keputusan Mesyuarat Agong.

17. LARANGAN

- (a) Di larang menghisap jenis-jenis dadah di dalam rumah persatuan dan membawa masuk perempuan lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah persatuan.
- (b) Di larang mengadakan permainan judi di dalam rumah persatuan.
- (c) Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan kerja seperti yang diterangkan di dalam undang-undang Kesatuan Sekerja, 1959.

KANDUNGAN

UNDANG-UNDANG KECIL DAN PERATURAN KHAS BANTUAN

PERKARA

MUKA SURAT

Tujuan	1
Peranan /Pindaan	2
<u>Jenis Bantuan</u> Bantuan Rawatan Hospital	2 - 3
<u>Tambahan untuk Perkara</u> Saguhati Bersalin	3 - 4
Rawatan Hospital Kepada Anak-anak	4
Saguhati Perkahwinan	4 - 5
<u>Bantuan Kematian</u> Kematian Ahli / Kematian Isteri / Suami	5 - 7
Kematian Anak-Anak	7
Kematian Ayah / Ibu dan Mertua	8
Saguhati Persaraan	8
Kategori A hingga Kategori D	9 - 11

PERSATUAN ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PAKAT)

UNDANG-UNDANG KECIL DAN PERATURAN KHAS BANTUAN

DRAF

UNDANG-UNDANG KECIL DAN PERATURAN KHAS BANTUAN

1. **TUJUAN**

- 1.1 Undang-undang kecil dan peraturan khas ini dibentuk adalah bertujuan bagi mengawal dan mengawasi segala pelaksanaan meliputi semua jenis bantuan yang diperuntukan dengan lebih teratur mengikut perkiraan-perkiraan semasa di samping menjadi panduan yang perlu dipatuhi oleh semua ahli persatuan ini bila mana bercadang menghendaki bantuan.
- 1.2 Undang-undang kecil ini hendaklah dilaksana dengan tidak mengenepikan mana-mana perenggan yang tercatat didalamnya.
- 1.3 Adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana ahli Persatuan ini yang melaksanakan pemberian atau penerimaan bantuan tidak mengikut peraturan ini dan jika ianya jelas dan nyata serta bukti yang cukup dengan perlakuannya itu maka satu tindakan boleh diambil terhadapnya. Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu akan menentukan segala tindakan yang boleh dikenakan samada dengan mengenakan denda (Jumlah bantuan yang diberikan) atau dilucutkan haknya sebagai ahli atau kedua-dua sekali.
- 1.4 Peraturan ini tidaklah perlu didaftarkan kerana ianya bukan satu peraturan yang terpelihara atau diwartakan oleh mana-mana perundangan samada perundangan Negeri atau Persekutuan kerana ianya adalah semata-mata untuk panduan bila mana pengeluaran bantuan itu disalurkan di samping mengambil kira segala kepentingan-kepentingan di berbagai bidang tertentu supaya ia tidak menjadikan satu kemelesetan dan kepincangan tabung kewangan persatuan pada satu-satu masa.
- 1.5 Peraturan ini tidaklah menjadikan satu peraturan yang terikat kepada mana-mana undang-undang samada Perundangan Negeri atau Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.4.
- 1.6 Peraturan ini tidaklah boleh membawa kepada mana-mana tindakan undang-undang yang dipelihara atau diwartakan oleh mana-mana perundangan. Samada Perundangan Negeri atau Persekutuan.

2. **PERANAN**

- 2.1 Dengan pembentukan dan pengwujudan peraturan khas ini yang telah dikuatkuasakan mulai dari tarikh 1/1/1986 oleh Jawatankuasa yang bersidang pada 27/12/1986, adalah diharapkan dapat mengawasi semua bidang bantuan termasuk berkenaan saguhati persaraan yang sebelum ini hanya ditentukan melalui keputusan-keputusan Mesyuarat Agong dan Mesyuarat Jawatankuasa dari masa ke semasa.
- 2.2 Peraturan ini boleh dimansuh atau diketepikan jika sekiranya didapati perlu, dengan syarat satu peraturan yang lain diadakan bagi menggantikan peraturan ini.
- 2.3 Jawatankuasa yang dilantik pada tiap kali (setiap tahun) Mesyuarat Agong adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas keperluan ini samada meminda atau menambah perenggan-perenggan yang difikirkan

3. **PINDAAN**

- 3.1 Meminda atau menambah mana-mana perenggan yang diputuskan dalam Mesyuarat Agong bolehlah dipakai setelah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu.
- 3.2 Jawatankuasa boleh menimbang samada untuk menerima atau menolak satu-satu keputusan tersebut jika difikirkan perlu tanpa memberikan penjelasan atauewartakan.

4. **JENIS-JENIS BANTUAN**

4.1 **BANTUAN RAWATAN HOSPITAL (BRH)**

- (a) Sehingga pada tarikh kuatkuasa peraturan ini dilaksanakan Jumlah peruntuk kepada Bantuan Rawatan Hospital ialah sebanyak **RM50.00** pada tiap kali di rawat di Hospital samada Hospital Swasta atau kerajaan, selama tempoh 1 hari semalam **(24 jam)**.(pindaan MAP16/2003)
- (b) Borang khas telah disediakan oleh Persatuan ini di mana perenggan yang tercatat didalamnya mesti dipatuhi.
- (c) Penerima bantuan ini tidak akan layak menerima satu lagi bantuan seperti dalam perenggan 4.1 kecuali ia mengalami sakit lain yang berasingan dan perlu di rawat di Hospital maka kedua-dua bantuan ini hendaklah diambil kira dengan syarat menepati semua perkara yang tercatat dalam perenggan 4.1.

- (d) Bantuan ini diberikan kepada ahli yang terlibat setelah menggenapkan tempoh selama 6 bulan menjadi ahli Persatuan ini mulai dari tarikh diterima menjadi ahli.
- (e) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu boleh terus menolak sesuatu permohonan jika didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa memberi sebarang alasan.
- (f) Jawatankuasa telah bersetuju bahawa isteri-isteri ahli yang sakit dan dimasukkan ke Hospital Kerajaan atau Swasta lebih daripada tempoh 24 jam berhak menerima bantuan dari Persatuan ini, kecuali kepada isteri ahli yang bersalin tidak akan diberi. (Peretujuan ini telah dicapai dalam Mesyuarat Agong Tahunan pada 20/5/1989 dan dalam Mesyuarat AJK).
- (g) Bantuan ini diberi berdasarkan maklumat dari data-data surat perakuan majukan (Guarantee Letter) dikemukakan sebagai pembuktian keluarga atau tanggungan ahli menerima jawatan.

TAMBAHAN UNTUK PERKARA:

4.2 SAGUHATI BERSALIN (SB)

- (a) Sehingga pada tarikh kuatkuasa peraturan ini dilaksanakan Jumlah yang diperuntukkan **kepada ahli adalah sebanyak RM50.00 sahaja.**
- (b) Setiap ahli (w) layak menerima bantuan saguhati ini pada tiap kali kelahiran anaknya sebanyak lima kali (5x) tidak termasuk Jumlah ia bersalin sebelum menjadi ahli persatuan ini.
- (c) Saguhati ini akan diberikan kepada ahli yang terlibat setelah ianya menggenapkan tempoh selama 6 bulan menjadi ahli dari tarikh diterima masuk menjadi ahli dengan menjelaskan semua yuran-yuran bulanan selama tempoh yang disebutkan.
- (d) Borang khas telah disediakan oleh Perstuan ini di mana perenggan yang tercatat di dalamnya mesti dipenuhi.

- (e) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu boleh terus menolak sesuatu permohonan jika didapati mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa memberi sebarang alasan.

4.3 RAWATAN HOSPITAL KEPADA ANAK-ANAK

- (a) Sehingga pada tarikh peraturan ini dilaksanakan Jumlah bantuan yang diberikan bila mana anak-anak meliputi anak-anak angkat yang sah dan bermastautin bersama adalah sebanyak **RM50.00**.
- (b) Peringkat anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun sahaja serta masih bujang layak menerima bantuan ini.
- (c) Borang khas telah disediakan oleh persatuan ini di mana perenggan yang tercatat di dalamnya mesti dipatuhi.
- (d) Setiap anak-anak yang di rawat di Hospital yang samada Hospital Swasta atau Kerajaan selama tempoh satu (1) hari (24 jam) lamanya maka bantuan ini hendaklah diberikan, tempoh yang selanjutnya tidak akan diambilkira kecuali ia telah diminta untuk menerima rawatan buat kali kedua dan seterusnya.
- (e) Bantuan ini diberikan apabila ahli (ayah/ibu) telah mengenakan tempoh selama 6 bulan menjadi ahli persatuan ini, mulai dari tarikh ia diterima menjadi ahli.
- (f) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu boleh terus menolak satu-satu permohonan jika didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, tanpa memberikan sebarang alasan.

4.4 SAGUHATI PERKAHWINAN (SP)

- (a) Bantuan ini diberikan kepada setiap ahli yang akan berkahwin sehingga peraturan ini dikuatkuasakan sebanyak **RM50.00**. Wang saguhati perkahwinan ini akan **diberikan sekali sahaja** selama ia menjadi ahli persatuan ini.
- (b) Borang khas akan disediakan oleh pihak persatuan yang mana ia mengandungi syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh setiap pemohon. Jawatankuasa yang dilantik pada masa ini mempunyai kuasa menolak setiap permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

- (c) Jawatankuasa boleh menimbang atau meluluskan setiap permohonan setelah didapati cukup dengan bukti-bukti yang sah, walaupun ia tidak memenuhi syarat-syarat dalam perenggan 4.4 (b) dengan tidak mengenepikan perkara yang termaktub dalam perenggan 4.4(d).
- (d) Setiap ahli yang hendak memohon wang saguhati Perkahwinan ini mestilah ianya telah genap selama 6 bulan menjadi ahli mulai dari tarikh ia diterima menjadi ahli dan belum pernah menerima bantuan ini.

4.5 BANTUAN KEMATIAN (BK)

4.5 (1) KEMATIAN AHLI

- (a) Bantuan ini sehingga peraturannya dikuatkuasa diperuntukkan kepada setiap ahli sebanyak **RM400.00**.(Pindaan MAP 16/2003)
- (b) Waris yang terdekat adalah diberi kuasa untuk menerima bantuan bagi pihak ahli.
- (c) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu hendaklah menyedia dan menyampaikan bantuan ini sebaik sahaja berita yang mengesahkan mana-mana ahli telah meninggal dunia. Jawatankuasa juga diminta menyediakan satu borang khas (3 salinan) yang telah dipenuhi dengan syarat-syarat yang dinyatakan kepada si waris untuk ditandatangani.
- (d) Mereka yang telah disahkan untuk diterima masuk menjadi ahli dengan syarat telah membayar wang pendaftaran masuk menjadi ahli sebanyak RM5.00 untuk bulan berikutnya adalah layak menerima bantuan ini.

- (e) Permohonan yang tidak sempat di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa untuk dipertimbangkan kemasukannya menjadi ahli persatuan ini boleh juga diambil kira dengan syarat perkara 4(b) Perlembagaan Persatuan telah mempersetujui kemasukannya setelah satu Mesyuarat Khas dipanggil, maka Jawatankuasa hendaklah menentukan Jumlah bantuan yang layak diberikan dengan mengenyepikan perkara 4.5(1a) jika sekiranya keputusan yang dipersetujui disebaliknya maka dengan sendirinya permohonan ini adalah gagal. Jawatankuasa hendaklah mengembalikan wang (wang masuk menjadi ahli dan wang yuran) kepada pihak waris pada masa itu juga tanpa memberi sebarang alasan.

4.5 (2)

KEMATIAN ISTERI-ISTERI/SUAMI

- (a) Bantuan ini sehingga peraturannya berkuatkuasa diperuntukkan kepada setiap ahli sebanyak **RM200.00**. (Pindaan MAP16/2003)
- (b) Ahli yang berkenaan bolehlah membuat permohonan dengan serta merta bagi mendapatkan bantuan dengan menggunakan borang khas yang telah disediakan, atau pihak Jawatankuasa boleh juga menyampaikan bantuan ini sebaik sahaja berita kematian ini diterima Dengan sah dan nyata untuk layak menerima bantuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perkara 4.5 (1c).
- (c) Bantuan ini akan diluluskan jika sekiranya ahli yang berkenaan telah menggenapkan tempoh selama 3 bulan menjadi ahli mulai dari tarikh ia mula diterima menjadi ahli persatuan ini dengan menjelaskan semua yuran bulanan.

- (d) Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk menolak setiap permohonan yang tidak memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (c) perkara 4.5 (2) dengan memberi alasan yang nyata kepada pemohon.

4.5 (3)

KEMATIAN ANAK-ANAK

- (a) Bantuan ini sehingga peraturannya berkuatkuasa diperuntukkan kepada ahli sebanyak **RM200.00** (Pindaan MAP 16/2003) (Ringgit: Dua Ratus Sahaja).
- (b) Bantuan ini menyeluruh termasuk anak-anak yang telah bersuami/isteri dan juga anak-anak angkat yang sah di sisi undang-undang samada yang bermastautin bersama atau tidak.
- (c) Ahli-ahli yang berkenaan bolehlah membuat permohonan dengan serta merta bagi mendapatkan bantuan dengan menggunakan borang khas yang telah disediakan atau pihak Jawatankuasa boleh juga menyampaikan bantuan ini sebaik sahaja berita mengenai hal kematiannya diterima secara sah dan nyata untuk layak menerima bantuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perkara 4.5(1.c).
- (d) Bantuan ini dikeluarkan/diluluskan jika sekiranya ahli yang berkenaan telah menggenapkan tempoh tiga (3) bulan lamanya menjadi ahli mulai dari tarikh ia mula diterima menjadi ahli Persatuan dengan menjelaskan semua yuran bulanan selama tempoh tersebut.
- (e) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu mempunyai kuasa menolak setiap permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disyaratkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (b) perkara 4.5 (3) atau perenggan (d) perkara 4.5 (3) dengan memberi alasan yang nyata kepada pemohon.

4.5 (4)

KEMATIAN AYAH/IBU DAN MERTUA

- (a) Bantuan ini sehingga peraturannya berkuatkuasa diperuntukkan kepada setiap ahli sebanyak **RM200.00** (pindaan MAP16/2003) (Ringgit: Dua Ratus Sahaja).
- (b) Ahli yang berkenaan bolehlah membuat permohonan serta merta dengan menggunakan borang khas yang telah disediakan oleh pihak Persatuan atau pihak Jawatankuasa boleh juga menyampaikan bantuan ini sebaik sahaja berita hal kematian diterima secara sah dan nyata untuk layak menerima bantuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (c) perkara 4.5(1).
- (c) Bantuan akan dikeluarkan/diluluskan jika sekiranya ahli yang berkenaan telah menggenapkan tempoh 3 bulan lamanya menjadi ahli mulai dari tarikh ia mula diterima menjadi ahli Persatuan ini dengan menjelaskan semua yuran bulanan selama tempoh tersebut.
- (d) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu mempunyai kuasa menolak setiap permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disyaratkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (c) perkara 4.5(4).

4.5 SAGUHATI PERSARAAN

- (1) Pemberian wang saguhati kepada ahli yang akan bersara sehingga peraturan ini berkuatkuasa dibahagikan kepada 4 kategori A, B, C dan D.
 - a. Kategori A RM400.00
 - b. Kategori B RM200.00
 - c. Kategori C RM150.00
 - d. Kategori D akan ditentukan oleh Jawatankuasa dari masa ke semasa

(2) KATEGORI A

- (a) ahli-ahli yang akan bersara dan telah genap umur untuk bersara sebagaimana yang diwajibkan oleh Kerajaan iaitu 55 tahun adalah layak untuk menerima wang saguhati persaraan ini.
- (b) Kelayakan yang disyaratkan dalam Katerogi A ini mestilah mereka yang telah menjadi ahli Persatuan ini lebih dari 10 tahun dengan tiada terputus-putus mulai dari tarikh ia mula diterima menjadi ahli serta menjelaskan semua yuran-yuran keahliannya.
- (c) Ahli-ahli yang bersara secara pilihan juga layak menerima saguhati ini dengan syarat telah melebihi 10 tahun lamanya menjadi ahli persatuan ini dan telah menjelaskan semua yuran-yuran yang diwajibkan.
- (d) Saguhati ini akan disampaikan kepada ahli yang berkenaan pada minggu terakhir sebelum tamat perkhidmatannya bersama-sama dengan borang khas sebanyak 3 salinan untuk ditandatangani oleh ahli yang berkenaan.

3. KATEGORI B

- (a) Ahli yang akan bersara dan telah genap umur untuk bersara sebagaimana yang diwajibkan oleh Kerajaan iaitu 55 tahun adalah layak untuk menerima wang saguhati persaraan ini.
- (b) Kelayakan yang disyaratkan dalam Kategori B ini mestilah mereka yang telah menjadi ahli Persatuan ini lebih dari tujuh (7) tahun dengan tidak terputus-putus mulai dari tarikh ia mula diterima menjadi ahli.
- (c) Ahli-ahli yang bersara secara pilihan juga adalah layak menerima wang saguhati ini dengan syarat ia telah memenuhi syarat-syarat yang tercatat dalam perenggan (b) perkara dan telah menjelaskan semua yuran-yuran kepada pihak persatuan.

- (d) Saguhati ini akan disampaikan pada minggu terakhir sebelum tamat perkhidmatannya bersama-sama dengan borang khas sebanyak 3 salinan untuk ditandatangani oleh yang berkenaan.

4. **KATEGORI C**

- (a) Ahli-ahli yang akan bersara dan telah genap umurnya untuk bersara sebagaimana yang diwajibkan oleh Kerajaan 55 tahun adalah layak menerima wang saguhati persaraan ini.
- (b) Kelayakan yang disyaratkan dalam Kategori C ini mestilah mereka yang menjadi ahli persatuan ini lebih dari 5 tahun lamanya dengan tiada putus-putus serta telah menjelaskan semua yuran-yuran bulanan keahliannya kepada persatuan ini.
- (c) Ahli-ahli yang hendak bersara secara pilihan juga layak menerima saguhati persaraan ini dengan syarat telah menjadi ahli persatuan ini tidak kurang dari 5 tahun dengan tiada terputus-putus dan telah menjelaskan semua yuran-yuran keahliannya kepada persatuan ini.
- (d) Saguhati ini akan disampaikan pada minggu terakhir sebelum tamat perkhidmatannya bersama-sama dengan borang khas sebanyak 3 salinan untuk tandatangani oleh yang berkenaan.
- (e) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu mempunyai kuasa untuk menolak atau membatalkan pemberian saguhati berkenaan jika didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, juga pihak Jawatankuasa boleh memindahkan sesuatu kelayakan mereka ke mana-mana salah satu kategori yang sejajar dengan lamanya tempoh seseorang itu menjadi ahli hingga ke akhir perkhidmatannya sebelum ia bersara.

5. KATEGORI D

- (a) Ahli yang akan bersara kerana sesuatu penyakit (Medical Board) dan telah dinasihatkan oleh mana-mana Doktor atau Pegawai Perubatan yang mana telah mengesahkan bahawa pesakit tidak mempunyai kelayakan lagi menjalankan tugas terpaksa bersara atau disarakan oleh Pihak Universiti adalah layak menerima wang saguhati persaraan ini.
- (b) Mereka yang telah menjadi ahli selama 3 bulan lamanya dan telah menjelaskan semua yuran-yuran keahliannya kepada persatuan ini adalah layak menerima saguhati persaraan ini.
- (c) Jawatankuasa yang dilantik pada masa itu akan menentukan Jumlah saguhati yang patut diberikan kepada mereka dengan mengambilkira lamanya seseorang itu menjadi ahli.
- (d) Jawatankuasa mempunyai kuasa bagi membatalkan semua pemberian kepada bakal pesara jika didapati kurang dari tempoh 3 bulan lamanya menjadi ahli.

Diterbitkan oleh:

PERSATUAN ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 BANGI
SELANGOR DARUL ESHAN

Mmj/12200 (pindaan)